

# **Kaum Wanita Di Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Antara Batasan Tradisi dan Realiti**

---

oleh

**Mahani Musa**

Secara umumnya, dari sudut pensejarahan, tulisan tentang kaum wanita agak diabaikan. Bidang sejarah nampaknya menjadi berat sebelah kerana banyak ditulis dari sudut lelaki sebagai fokus utama dan menjadi kayu ukur untuk setiap kejadian yang lalu dengan mengabaikan sebahagian lagi makhluk di dunia ini iaitu kaum wanita. Sejarah tentang wanita telah “disenyapkan” dan seakan-akan terpisah daripada rakaman sejarah kerana tanggapan umum masyarakat sejagat bahawa kaum wanita tidak mampu memainkan peranan sebagaimana lelaki. Walhal pada hakikatnya mereka juga terikat kepada sistem sosial, ekonomi dan politik yang sama sebagaimana kaum lelaki. Kini keadaan menjadi lebih baik. Kajian sejarah demografi yang mengaitkan faktor kesuburan dan kematian dengan pertumbuhan ekonomi, misalnya, memberi ruang kepada kaum wanita untuk memasuki rakaman sejarah. Faktor demografi saling berkaitan dengan kepelbagaiannya ekonomi terutamanya dari segi pasaran buruh yang akhirnya turut mengheret penglibatan kaum wanita. Dari segi inilah peranan kaum wanita menjadi penting.<sup>1</sup>

Di Eropah pada zaman pertengahan, pertumbuhan bandar yang diikuti oleh peningkatan tuntutan terhadap guna tenaga buruh telah menyebabkan segala

bentuk sumber manusia dieksploitasi. Ini melibatkan kaum wanita suri rumah yang akhirnya keluar membantu proses pengeluaran dan malahan ada di kalangan mereka ini berjaya berdikari dari segi sosial dan ekonomi. Bentuk yang sama boleh dilihat di negara-negara Asia Tenggara sebelum zaman penjajahan. Kaum wanita pada zaman itu turut terlibat dalam perdagangan, menguasai bidang diplomasi dengan menjadi jurubahasa dalam urusniaga, menjadi pengawal raja, terlibat dalam bidang kesenian dan hiburan serta ada yang mampu menguasai bidang politik dengan muncul sebagai pemerintah,<sup>2</sup> sekalipun sukar dipastikan sejauh manakah mereka benar-benar memiliki kuasa atau hanya sebagai alat untuk memenuhi impian golongan tertentu.

Dalam konteks Sejarah Malaysia, tulisan tentang kaum wanita di negara ini belum begitu berkembang. Kajian oleh Lenore Manderson, Lai Ah Eng serta memoir oleh beberapa tokoh politik wanita seperti Khatijah Sidek dan Aishah Ghani adalah di antara tulisan tentang kaum wanita yang ada setakat ini.<sup>3</sup> Sementara itu usaha Arkib Negara Malaysia menjalankan projek sejarah lisan sangatlah membantu menambahkan maklumat tentang golongan ini. Tokoh-tokoh dan individu yang telah memberi sumbangan terhadap negara ini daripada pelbagai bidang telah diwawancara oleh pihak arkib dan ini termasuklah 29 orang wanita (termasuk dua orang wanita Inggeris).<sup>4</sup>

Boleh dikatakan kebanyakan tulisan dan kajian tentang kaum wanita yang ada setakat ini adalah berkisar kepada kaum wanita abad ke-20. Tulisan tentang kaum wanita di zaman tradisi atau pra penjajahan belum banyak dihasilkan. Marie-Andree Couillard pernah menyifatkan kaum wanita di zaman pra kolonial menikmati autonomi relatif berdasarkan penglibatan mereka sebagai pengeluar dalam cara pengeluaran utama di mana individu dapat menikmati hasil titik peluh mereka sendiri. Mereka juga memegang kuasa tertentu dalam ruang keluarga.<sup>5</sup> Sementara itu satu-satunya tulisan yang berkaitan dengan wanita di zaman tradisi telah dihasilkan oleh Cheah Boon Kheng. Dengan menggunakan sumber-sumber penyulisan teks tradisi seperti *Sejarah Melayu*, *Undang-Undang Melaka*, *Bustanus Salatin*, *Tubfat al-Nafis* dan *Hikayat Patani*, beliau meneliti kedudukan kaum wanita di istana di Melaka, Aceh, Patani dan Johor-Riau-Lingga antara kurun ke-16 hingga kurun ke-17 dari sudut pengaruh dan kuasa.<sup>6</sup>

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada wanita pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Teks *Sejarah Melayu* masih merupakan rujukan penting, namun dilihat dari sudut berlainan. Kajian ini cuba mengupas dari sudut pengarang yakni mungkinkah pengarang *Sejarah Melayu* sebenarnya, sejak dari awal

pengarangannya lagi, sudah merancang untuk memperkatakan tentang kedudukan kaum wanita di zamannya? Sementara teks *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* serta lain-lain tulisan tentang Melaka turut diteliti untuk mendapatkan gambaran tentang kaum wanita golongan bawahan pada zaman tersebut.

### TUN SERI LANANG: PELOPOR TULISAN TENTANG KAUM WANITA

Di dalam pensejarahan Malaysia, teks *Sejarah Melayu*, dengan gaya dan batasan yang tersendiri, wajar dianggap sebagai perintis kepada tulisan tentang wanita. Meskipun dikarang oleh seorang lelaki dengan watak utama dan penting dikuasai oleh kaum lelaki tetapi secara halus dan begitu tersirat sekali nampaknya ada percubaan pengarang untuk memecahkan prejidis masyarakat terhadap kaum wanita. Watak wanita yang ditonjolkan dalam teks ini berkisar kepada wanita bangsawan yang mempunyai peranan dan tugas yang berbeza-beza. *Sejarah Melayu*, sesuai dengan tujuan pengarangnya yang sebenar iaitu untuk mengabsahkan keturunan raja-raja Melaka, tidak begitu memberi ruang kepada wanita daripada golongan bawahan. Kalau adapun cerita tentang wanita golongan bawahan ini hanyalah sebagai pelengkap kepada cerita golongan atasan.

Jika diperhatikan dari segi perkembangan plot, keseluruhan isi cerita teks *Sejarah Melayu* berkisar kepada kisah-kisah yang didokong dan dikembangkan oleh kaum lelaki. Bermula daripada kisah pengembaraan dan penaklukan Iskandar Zulkarnain hingga ke saat kejatuhan Melaka, watak penting dipegang oleh kaum lelaki. Walau bagaimanapun dicelah-celah perkembangan plot sebegini, watak-watak wanita diselitkan dan boleh dikategorikan mengikut darjah peranan dan pengaruh masing-masing. Ada yang berperanan biasa sahaja untuk melengkapkan cerita watak lelaki sementara yang yang peranan dan pengaruhnya menjangkau lebih daripada tujuan itu. Mereka mampu mengubah sejarah zamannya!

Wanita dalam *Sejarah Melayu* terdiri daripada kaum kerabat diraja iaitu permaisuri, gundik, bonda, nenda dan puteri sultan. Mereka ini pula sentiasa diiringi oleh dayang-dayang dan wanita yang berkhidmat di istana. Dalam hal ini isteri pada pembesar harus dilihat sebagai kelompok berasingan, walaupun masih tergolong sebagai wanita bangsawan. Ini adalah kerana mereka tidak tinggal di istana. Walau bagaimanapun, cara kehidupan sosial mereka tidak ada bezanya dengan tatacara hidup kaum wanita kerabat diraja. Mereka hidup dalam kemewahan dan dihormati kerana di bawah sistem separa feudal, setiap

pembesar penting dianugerahkan kawasan tertentu untuk ditadbir. Kawasan anugerah ini akan menjadi warisan anak cucu pembesar-pembesar berkenaan. Di Melaka pula, pembesar-pembesar ini mempunyai kampung sendiri seperti "kampung Bendahara", "kampung Laksamana" dan sebagainya. Mereka merupakan "raja" di kawasan mereka. Mereka ditaati oleh pengikut mereka lebih daripada seorang raja.<sup>8</sup> Dengan itu isteri pembesar ini juga turut mendapat penghormatan yang sama. Mereka juga mempunyai dayang-dayang dan terpaksa juga tinggal sebumbung dengan gundik suami jika ada. Walau bagaimanapun, pergerakan isteri-isteri pembesar ini agak terbatas. Mereka dikatakan sukar dilihat di luar rumah dan hanya keluar sekali sekala apabila perlu dengan diiringi oleh dayang-dayang.<sup>9</sup> Dari segi status, wanita kelas elit dan bangsawan ini dibezakan oleh gelaran yang dianugerahkan kepada mereka. Wanita daripada golongan kerabat diraja, misalnya, diberi gelaran "Raja" sementara daripada golongan bangsawan yang berjaya naik taraf kepada kerabat diraja diberikan gelaran "Tun" seperti Tun Fatimah, Tun Senaja dan Tun Kudu. anak seorang biduanda pula diberikan gelarang "Dang".<sup>10</sup>

Berbalik kepada wanita di istana, oleh kerana terikat dengan nilai tradisi kebangsawanan dan pemikiran masyarakat di zaman itu, mereka juga tidak dianggap penting dan hanya layak memikul tugas yang bersesuaian dengan keadaan fizikal mereka sahaja. Kaum wanita, di dalam *Sejarah Melayu*, paling ramai digambarkan memikul tugas sejagat iaitu melahirkan waris kepada kesultanan. Setiap kemunculan sultan lelaki dikaitkan dengan nama wanita sama ada dia permaisuri yang sah atau seorang gundik sebagai pelahir zuriat. Ada pula yang dijadikan sebagai hadiah untuk tujuan politik.

Kemunculan wanita sebagai alat kebendaan ini berkait rapat dengan perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan penting di Asia Tenggara di abad ke-15 dan ke-16. Dengan kepesatan perdagangan ini Melaka dikunjungi ramai saudagar dari merata pelusuk dunia. Kepesatan ini juga mewujudkan satu persaingan sengit untuk menguasai lebih banyak perdagangan di Melaka. Selain daripada cukai dan bayaran yang perlu dijelaskan kepada Raja dan pembesar untuk bermiaga mahupun menetap di Melaka, rasuah merupakan satu alternatif lain. Rasuah bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit dan pelbagai hadiah malah boleh juga berupa seorang wanita!

Pemberian rasuah dalam bentuk wanita ini boleh berlaku atas beberapa dorongan. Pertamanya, ia seiring dengan gelagat Raja-raja Melaka yang rata-rata digambarkan gemar beristeri lebih daripada seorang dan memiliki ramai

gundik. Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mahmud Syah dan Sultan Mansur Syah adalah di antara sultan-sultan yang mempunyai ramai isteri. *Sejarah Melayu* mencatatkan perkahwinan sultan-sultan Melaka dengan puteri-puteri dari jajahan lain. Sumber Portugis juga memberikan maklumat yang serupa. Tome Pires, misalnya, mencatatkan bahawa Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan puteri Sultan Pahang. Dia juga mengambil ramai anak wanita saudagar Parsi dan Kling yang baik dengannya untuk dijadikan gundik. Anak-anak saudagar ini diislamkan dan ada diantaranya dikahwinkan dengan anak-anak pembesar Melaka sendiri.<sup>11</sup> Saudagar-saudagar asing ini tidak keberatan menyerahkan anak perempuan mereka kepada sultan dan pembesar memandangkan pulangan lumayan yang bakal mereka perolehi dalam bentuk kemudahan berdagang di Melaka.

Menyedari hakikat ini maka kaum wanita menjadi satu saluran penting untuk menguasai perdagangan di Melaka. Malah tipu helah menggunakan wanita disyaki pernah berlaku demi mencapai penguasaan perdagangan. Sultan Mansur Syah, misalnya, dikatakan pernah mengahwini Hnag Liu (Hang Li Po) tetapi rekod China tidak pernah tentulah akan dicatatkan dalam *Ming Shih-Lu* (*MSL*) yang merupakan rekod rasmi kerajaan China atau dalam teks rasmi yang lain. Apatah lagi perkahwinan seorang puteri China dengan seorang pemerintah negara luar tentulah merupakan satu peristiwa penting yang pastinya direkodkan. Menurut Wade, satu kemungkinan ialah terdapatnya utusan palsu dari China datang ke Melaka untuk tujuan berdagang. *MSL* ada mencatatkan utusan dari China pergi ke Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah. Utusan ini membawa seorang wanita China yang mereka dakwa dari kerabat Maharaja China dengan tujuan untuk mendapatkan keistimewaan dari pemerintah Melaka atau kemudahan perdagangan.<sup>12</sup> Secara tidak langsung, kaum wanita di sini hanyalah sebagai alat bagi menampung keperluan sosial yang muncul akibat perkembangan perdagangan dan secara tidak langsung menjadi alat menambahkan lagi bilangan orang Islam di Melaka.

Berbalik kepada *Sejarah Melayu*, Tun Seri Lanang tidak bertujuan untuk memendakpan peranan kaum wanita di sepanjang pengkaryaannya itu. Di celahan nama-nama wanita istana yang berperanan biasa dan tidak menonjol ini, lahirlah beberapa nama yang memerlukan pengkajian teliti terhadap peranan yang telah mereka mainkan. Di bahagian awal lagi, pembaca telah diajak untuk memikirkan siapakah Radin Ratna Cendera Puri yang namanya dikaitkan dengan waadat yang akhirnya mewujudkan garis pemisah antara raja dan rakyat.

Meskipun waadat itu sendiri diragui kebenarannya dan dipercayai merupakan rekaan pengarang semata-mata demi menyampaikan sudut pandangan penaung tulisannya namun mengapa pula ia perlu dikaitkan dengan nama seorang wanita?

Waadat antara Demang Lebar Daun dan Seri Teri Buana Merupakan inti penting teks *Sejarah Melayu*. Abdul Rahman Haji Ismail tidak menolak waadat ini rekaan penulis semata-mata. Ia merupakan langkah awal untuk memperkenalkan satu konsep yang lebih penting iaitu "daulat" dan "derhaka" yang akhirnya memwarnai keseluruhan teks tersebut. Waadat ini bermula apabila Seri Teri Buana memohon untuk memperisterikan Anak Demang Lebar Daun. Disebabkan bimbang puterinya itu akan dibuang dengan sewenang-wenangnya sekiranya kedal sebagimana yang diperlakukan ke atas puteri-puteri raja lain maka Demang Lebar Daun menuntut dimeterai satu perjanjian yang ditafsirkan oleh Abdul Rahman Haji Ibrahim bukanlah sangat untuk menjaga kebajikan anaknya itu tetapi lebih kepada mengawal perlakuan raja.<sup>15</sup> Betapa sukarnya Tun Seri Lanang untuk memasukkan konsep ini dapat dibuktikan dengan tidak kenanya waadat itu diperkenalkan dengan peristiwa yang dikaitkan. Kemunculan waadat itu sangat jelas tidak kena pada tempatnya. Pengorbanannya juga terlalu besar iaitu seorang raja negeri lain (Demang Lebar Daun, Raja Palembang) dengan rela hati merendahkan diri dan tunduk kepada Sultan negeri lain (Seri Teri Buana) sedangkan mereka hanya berurusan tentang soal perkahwinan. Tidak wajar juga bagaimana seorang yang mahu mengahwinkan anaknya perlu merendahkan martabat (Demang Lebar Daun memulakan panggilan patik) menghadap menantunya, Seri Teri Buana (tuanku).

Dalam kesukaran menentukan apa yang patut ditulis demi menyempurnakan hasrat raja supaya teks itu dikarang maka Tun Seri Lanang sebenarnya tidak mempunyai pilihan lain melainkan memasukkan satu watak wanita untuk menyeimbangkan tulisannya. Dari segi mendaulatkan raja, Tun Seri Lanang memang berjaya menggarapnya dengan begitu baik dengan memasukkan cerita kesemua wanita yang dikehwin oleh Seri Teri Buana yang terkena penyekit kedal. Seri Teri Buana digambarkan begitu berdaulat sehingga wanita yang tidak tahan dengan daulat beliau terkena tulah. Memang Radin Ratna Cendera Puri tidak kedal sebagaimana 39 orang puteri raja lain yang pernah diperisteri oleh Seri Teri Buana. Garapan peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan Tun Seri Lanang iaitu dalam mendakwahkan hasrat raja dia juga mengangkat martabat rakyat menerusi watak Radin Ratna Cendera Puri. Puteri raja yang kini turun taraf sebagai rakyat akibat waadat itu tidak kedal dan ini bermakna rakyat

(diwakili oleh Radin Ratna Cendera Puri) juga berdaulat sebagaimana Sultan Melaka.<sup>14</sup>

Plot *Sejarah Melayu* seterusnya berkembang dan beriringan dengan itu berkembang juga peristiwa-peristiwa yang memperlihatkan pengaruh kaum wanita istana. *Sejarah Melayu* menonjolkan nama-nama penting dalam sejarah pemerintahan kesultanan Melayu Melaka seperti Tun Kudu, Bonda Sultan Mahmud dan Tun Fatimah. Peristiwa yang berkait dengan tokoh wanita terakhir ini boleh dilihat sebagai kemuncak peranan atau pengaruh mereka dalam sejarah sezaman seiring dengan panasnya kekalutan yang melanda pemerintahan Sultan Mahmud dan anaknya Sultan Ahmad sebelum jatuhnya empayar Melaka ke tangan Portugis. Kaum wanita ini mencul di tengah-tengah kontroversi dan bertindak sama ada sebagai penyelesai kekusutan dalam soal perlantikan pembesar dan juga sebagai alat protes yang menentukan arah warisan kerajaan. Dalam hal ini, bermakna secara sedar dan halus sekali pengarang *Sejarah Melayu* cuba menonjolkan kebolehan serta kemampuan yang ada segolongan wanita istana ini iaitu mereka pintar menggunakan peluang yang ada dan seterusnya mampu memberikan sumbangan yang tersendiri terhadap sistem birokrasi.

Memang penonjolan watak kaum wanita ini amat sukar dilakukan oleh pengarang *Sejarah Melayu* kerana sebagai sebahagian daripada masyarakat, beliau juga terikat dengan nilai tradisi dan pemikiran masyarakat sekeliling. Dalam sebuah kerajaan yang separa feudal, ada hiraki status yang mengikat masyarakat tersebut. Orang yang berkuasa seperti sultan dan pembesar duduk di hiraki yang paling atas sementara rakyat biasa menduduki hiraki paling bawah. Dalam susun lapis yang ketat ini batasan gender tetap ada. Kaum wanita duduk di belakang kaum lelaki dalam hiraki masing-masing. Mereka dianggap sebagai golongan kelau (tidak boleh bersuara) dan tidak memainkan sebarang peranan penting, senang diperalatkan serta kerapkali pula dikaitkan dengan fungsi-fungsi seksual, misalnya, sebagai dayang-dayang, gundik raja dan peembesar. Inilah anggapan masyarakat zaman tradisional terhadap kaum wanita di zaman tersebut.

Gambaran yang tidak seimbang tentang fungsi kaum wanita ini nampaknya cuba diseimbangkan oleh Tun Seri Lanang meskipun agak sukar bagi beliau melepas bias masyarakat. Beliau memasukkan beberapa nama wanita yang mempunyai pengaruh tersendiri di istana. Bonda Sultan Mahmud, misalnya, secara tidak langsung menggunakan kedudukannya sebagai ibu kepada sultan yang memerintah (Sultan Mahmud) untuk mempengaruhi anaknya itu dalam soal perlantikan Bendahara.<sup>15</sup> Meskipun hanya berbisik melalui "balik pintu"

atau dikatakan “belakang tabir” oleh Cheah Boon Kheng, kebuntuan untuk menentukan pengganti Bendahara itu diselesaikan dengan tindakan cepat seorang wanita. Di belakang tabir ialah satu tempat yang sangat dekat dengan Sultan sebagai pusat kerajaan dan tempat ini diisi oleh wanita kaum kerabat diraja. Kedudukan di belakang tabir ini, walau bagaimanapun, tidak menghalang kaum wanita istana ini bergiat dalam intrik politik.<sup>16</sup> Misalnya, pemilihan Bendahara Tun mutahir sebagai Bendahara yang baru tentulah telah dirancang oleh orang di belakang tabir istana. Ia lebih berupakan pakatan untuk menaikkan calon dari puak India-Muslim kerana Tun Mutahir adalah abang kepada bonda Sultan Mahmud dan dari golongan India-Muslim. Calon lain semuanya layak tetapi mereka tidak terpilih demi mengelakkan kemenangan di pihak puak “Melayu” yang selama ini seringkali menjadi saingan kepada puak India-Muslim dari segi perebutan kuasa dan pengaruh.

Seorang lagi wanita yang pernah muncul ditengah-tengah perebutan kuasa puak India-Muslim dan puak Melayu ialah Tun Kudu. Tun Kudu adalah isteri kepada Sultan Muzaffar Syah tetapi “sesaat itu juga ditolak oleh baginda demi menyelesaikan kekusutan dalam soal pentadbiran.”<sup>17</sup> Kekusutan ini berkisar kepada perebutan kuasa antara Seri Nara Diraja Tun Ali iaitu bapa saudara sultan sendiri dengan Paduka Raja Tun Perak. Seri Nara Diraja Tun Ali telah dilantik menjadi Bendahara Melaka selepas Kemangkatan Bendahara Seri Wak Raja (bapa Tun Perak) tetapi tidak disukai oleh puak Melayu yang mahukan Tun Perak sebagai Bendahara yang baru. Akhirnya Sultan berjaya memujuk Seri Nara Diraja menyerahkan jawatan tersebut dengan menawarkan isterinya itu sebagai ganti. Tawaran ini diterima oleh Tun Ali. Dalam Sejarah Melayu tidak disebut langsung apakah reaksi Tun Kudu waktu itu. Pengkisahan tentang wanita ini juga dibuat dengan begitu ringkas dan mudah. Beliau seolah-olah seorang wanita yang setia dan menurut apa sahaja perintah suaminya, Sultan ketika itu. Apakah tidak ada perasaan protes dari naluri kewanitaannya kerana diarahkan bertukar suami dengan begitu mudah dan seterusnya turun taraf daripada seorang permaisuri kepada isteri seorang pembesar yang sudah lanjut usia demi menyelesaikan masalah orang lain.

Dengan memahami kedudukan kaum wanita di dalam sebuah masyarakat yang berpegang kuat kepada nilai tradisi, Tun Kudu sebagai seorang wanita sudah tentu tidak mempunyai pilihan selain daripada menyempurnakan perintah Sultan. Dirinya menjadi barang yang boleh ditawarkan kerana sebelum mengesyorkan nama isterinya itu, Sultan sebenarnya telah menawarkan nama

beberapa orang wanita bangsawan yang lain tetapi semuanya ditolak oleh Seri Nara Diraja. Ternyata hanya Tun Kudu sahaja pilihan utama beliau. Peristiwa ini harus ditafsirkan dengan teliti. Sebagai orang yang sudah ditarik kuasanya, mengambil isteri raja barangkali mampu menebus kembali kehormatan dirinya. Apa lagi yang ada padanya, seorang tua yang tiada kuasa melainkan berjaya memperisterikan isteri raja, satu perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah kesultanan Melayu. Tun Kudu pula barangkali memang benar dari satu segi menjadi mangsa dalam menyelesaikan pertikaian yang boleh memusnahkan negeri Melaka. Namun kemungkinan juga Tun Kudu seorang pengambil kesempatan - mengambil peluang daripada kekusutan politik ini untuk menaikkan pengaruh keluarganya. Dalam kemelut perebutan kuasa antara dua puak itu, beliau tentu memikirkan untung nasib keluarga dan keturunannya daripada untung nasib dirinya apatah lagi calon yang disebut itu adalah abangnya Tun Perak. Kuasa dan penghormatannya akan meniti di tangan puak Melayu sekiranya abangnya dilantik sebagai Bendahara, satu jawatan yang melambangkan status dan pengaruh yang paling kuat dalam kerajaan.

Satu lagi nama wanita yang begitu signifikan dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka serta sejarah tradisi orang Melayu ialah Tun Fatimah. Dalam kisah yang berkisar kepada sikap melampau Sultan Mahmud wanita ini muncul sebagai watak protes yang berkesan. Sebagai tindakbalas terhadap tindakan sultan membunuh keluarganya (termasuk suaminya), Tun Fatimah yang kemudiannya diperisterikan oleh Sultan Mahmud telah melancarkan beberapa tahap protes yang mendebarkan jiwaraga sultan. Pada peringkat pertama, beliau mengadakan protes senyap, iaitu tidak menunjukkan sikap mesra seorang isteri.<sup>18</sup>

Tindakan Tun Fatimah itu menjadikan Sultan Mahmud sedih dan menyesali tindakannya membunuh Bendahara Seri Maharaja sekeluarganya tanpa usul periksa. Baginda akhirnya turun takhta dan melantik Raja Ahmad sebagai pengganti dengan gelaran Sultan Ahmad Syah. Beliau membawa diri ke hulu Melaka. Protes ini dianggap tidak memadai untuk membalas kesalahan raja, Protes ini juga belum mampu menyempurnakan hasrat Tun Fatimah. Ego Sultan terus dipatahkan oleh Tun Fatimah dengan protes seterusnya yang lebih berani dengan menggugurkan kandungannya setiap kali beliau mengandung. Alasannya kepada sultan "apakah kerja raja beranak dengan beta lagi kerana anak raja yang kerajaan telah ada?" Menyedari kehendak Tun Fatimah yang sebenarnya maka Sultan Mahmud berjanji "jikalau tuan hamil sekali lagi janganlah dibuang, jikalau ia lelaki ialah kita rajakan."<sup>19</sup>

Tindakan yang boleh disifatkan melampau batas tradisi masyarakat Melayu tradisional serta membahayakan diri si pelaku sendiri dari sudut kesihatan itu ternyata berjaya. Ia membuhkan sesuatu yang boleh sebagai satu titik peralihan penting dalam sejarah warisan Kesultanan Melaka. Tun Fatimah bukan sahaja berjaya menebus maruah keluarganya malah berjaya menentukan untung nasib keluarganya. Anaknya dengan Sultan Mahmud akhirnya meneruskan warisan Kesultanan Melayu Melaka dengan membuka empayar Johor-riau dengan gelaran Sultan Alauddin. Pendekata, seorang Sultan yang digambarkan dalam *Sejarab Melayu* sebagai bernafsu buas dan adakalanya dikatakan kejam serta digambarkan sebagai anak harimau sejak dari kecil<sup>20</sup> itu akhirnya tewas di tangan seorang wanita. Dari seorang yang langsung tidak memegang apa-apa kuasa akhirnya Tun Fatimah memainkan peranan besar menentukan sistem perwarisan Melaka.

Inilah di antara tiga nama wanita yang muncul dan memainkan peranan tersendiri. seperti yang ditonjolkan dalam *sejarab Melayu*. Ada beberapa lagi wanita istana yang tidak pasif yang boleh dikaji dalam *sejarab Melayu*. Anak Raja Rekan, misalnya melalui peranan di belakang tabir telah berjaya mempengaruhi suaminya, sultan Muhammad Syah melantik Raja Ibrahim sebagai pengganti raja. Campurtangan permaisuri ini akhirnya membawa kepada perebutan kuasa antara Raja Ibrahim dengan Raja Kassim.<sup>21</sup> Satu lagi contoh ialah percubaan Raja Tua iaitu nenek kepada Sultan Mahmud membunuh cucunya itu bagi membolehkan cucu kesayangannya Sultan Menawar Syah (Kampar) menjadi Sultan di Melaka.<sup>22</sup> Kedua-dua contoh tadi menunjukkan peranan wanita yang tidak pasif dan berani mencari jalan untuk memenuhi impian politik keluarganya.

Selain dari pada beberapa contoh wanita kerabat diraja, *Sejarab Melayu* juga menyelitkan dua kisah wanita golongan bawahan yang jika diteliti, hanyalah sebagai pelengkap kepada cerita golongan atasan. Dalam kisah Hang Nadim melerikan Tun Teja, peranan si pelulut tua (tanpa nama) ini penting. Dengan bantuan beliaulah maka rancangan melerikan Tun Teja yang merupakan tunangan Yang Dipertuan Pahang ke Melaka berjalan lancar. Si pelulut tua itu telah diberi rasuah emas dan palcaian oleh Hang Nadim. Kerjanya mengambil upah berulut itu memudahkan beliau memasuki rumah pembesar. Semasa berlulut imlah beliau menyapu ubat guna-guna kepada Tun Teja. Si pelulut ini juga dipergunakan oleh Hang Nadim untuk memberi rasuah kepada penunggu pintu supaya Tun

Teja boleh dibawa kelaur dari negeri Pahang itu<sup>23</sup>. Intrik ini berjaya dan akhirnya Tun Teja dijadikan isteri oleh sultan Mahmud.

Tiga Wanita penanak nasi yang diceritakan di Penghujung Sejarah Melayu juga merupakan pelengkap kepada cerita atasan. Ia mengisahkan Sultan Mahmud yang kelaparan setelah melarikan diri daripada serangan Portugis dan menitahkan Seri Nara Diraja mencari nasi. Sewaktu berbual dengan Seri Wak Raja yang singgah ke tempat Sultan itu, Seri Nara Diraja telah menyendir:

...Hei Seri Wak Raja, siapa yang membunuh bapa kita dua bersaudara, mati di Melaka itu? Raja mana? Bukankah raja ini? Pada masa inilah kita membalas kasihnya akan bapa kita mati empat beranak itu. Pergilah Orang Kaya carikan duli Yang Dipertuan nasi bangat-bangat kerana baginda tiga berputra sangat lapar.

Dalam usaha untuk mendapat nasi, Seri Wak Raja telah mencuri makanan kepunyaan tiga orang wanita yang sedang bertanak nasi,. Perbuatannya itu telah disindir oleh ketiga-tiga wanita tersebut:

Lihatlah orang Kaya Seri Wak Raja, menyamun nasi orang! Malu pun tiada, anak Bendahara menyamun<sup>24</sup>.

Watak tiga wanita yang makanannya dicuri oleh pembesar untuk diberikan kepada raja ini sebenarnya merupakan alat bagi pengarang Sejarah Melayu sendiri untuk “memulangkan paku buah keras” kepada sultan Mahmud yang telah membunuh keluarga bendahara yang dipercayai kaum kerabat pengarang juga.

Sementara itu cerita perminangan Puteri Gunung Ledang tidaklah harus ditafsir dengan begitu mudah semata-mata kerana ia sebuah cerita dongeng.<sup>25</sup> Mengapa dongengan itu perlu dicernakan melalui watak seorang wanita yang tidak pasti wujud? Apakah mesej yang cuba disampaikan oleh Tun Seri Lanang melalui watak satira ini? Tun Seri Lanang kelihatan bijak menyampaikan pandangannya meskipun terikat dengan hasrat pihak yang diwakilinya. Meskipun dilihat mewakili sudut pandangan orang atasan kerana dia dititah menyusun kitab Sejarah Melayu oleh Sultan yang memerintah Johor waktu itu (1612), namun beliau kelihatan tidak mahu membiarkan begitu sahaja perlakukan raja yang dianggap tidak wajar. Sikap Sultan Mahmud yang melampau batas perlu dikritik tetapi teguran dan kritikan yang ingin disampaikan itu harus pula cermat

supaya tidak dimurkai raja. Maka berselindung di sebalik watak satira merupakan kaedah yang selamat dan mampu memberi sindiran yang tajam kepada sultan yang bernafsu besar iaitu ingin beristerikan jin. Nafsu Sultan Mahmud dipatahkan dengan mudah melalui syarat-syarat barang hantaran yang dikehendaki oleh Puteri Gunung Ledang yang tidak dapat dipenuhi oleh manusia biasa. Nampaknya kemunculan Puteri Gunung Ledang ini sebagai satu agen sindiran dan merupakan langkah penting untuk menonjolkan Tun Fatimah, wanita manusia biasa yang juga akhirnya berjaya menundukkan raja dengan caranya tersendiri.

Pendekata, *Sejarah Melayu* bukanlah semata-mata menghidangkan cerita susur gajur jurai keturunan dan kehebatan raja-raja Melaka serta memberi maklumat sosio ekonomi dan politik malah dengan cara tersendiri, malah dengan cara terbatas pula (oleh bias masyarakat) ia mampu memberi maklumat untuk pengakajian tentang sejarah wanita di zaman masyarakat Melayu tradisional. Tun Seri Lanang ternyata mempunyai ideologi tersendiri terhadap kaum wanita di zamannya apabila beliau memberikan sedikit ruang kepada kelompok ini di dalam karyanya.

#### **GAMBARAN TENTANG WANITA GOLONGAN BAWAHAN MELALUI UNDANG-UNDANG MELAKA DAN UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA**

Selain *Sejarah Melayu*, *Hukum Kanun Melaka* (selepas ini disebut HKM) dan *Undang-Undang Laut Melaka* (selepas ini disebut ULM) juga mampu memberi maklumat tentang kaum wanita di Melaka, khususnya kaum wanita rakyat bawahan. Berbeza daripada *Sejarah Melayu* yang memberatkan pengaruh segolongan kaum wanita di istana (dan bukannya dalam soal ekonomi dan kemasyarakatan) maka menerusi kedua-dua teks undang-undang tersebut, fungsi dan penglibatan kaum wanita dalam sektor ekonomi dan kemasyarakatan dapat ditinjau dengan lebih meluas.

Meskipun di dalam HKM tidak terdapat satu fasal yang khusus tentang wanita namun daripada keseluruhan 44 fasal terdapat sekurang-kurangnya 10 fasal yang bersabit secara tidak langsung dengan wanita<sup>26</sup> dan satu fasal dalam ULM. Fasal-fasal dalam HKM kelihatan tidak tersusun (bercampur aduk) dan adakalanya berulang-ulang. Dari sini kita boleh membuat andaian bahawa fasal-fasal ini dimasukkan dari masa ke semasa mengikut kes-kes yang timbul. Ini bermakna, kedua-dua teks undang-undang ini boleh digunakan untuk meneliti pelbagai aspek tentang masyarakat Melayu Melaka dan termasuk juga kaum

wanita di zaman itu. Apakah lagi hukum-hukum adat yang termaktub dalam fasal-fasal HKM itu tentulah mencerminkan amalan biasa masyarakat setempat. Adat mencerminkan pemikiran masyarakat dan secara tidak langsung HKM juga mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu Melaka.

Seperti yang termaktub dalam HKM, sistem perundangan di Melaka adalah berasaskan dua bentuk undang-undang iaitu hukum adat dan undang-undang Islam. Hukum adat adalah hukum yang lebih tua usianya berbanding dengan undang-undang Islam itu sendiri. Ia berkait dengan nilai pribumi yang telah sebatи di dalam kehidupan I masyarakat Melayu Melaka dan merupakan warisan adat tradisi dan kepercayaan zaman Srivijaya lagi. Kedatangan Islam dan penggubalan undang-undang Islam pula harus dilihat sebagai titik tolak penting dalam peralihan zaman Melayu-Hindu ke Melayu-Islam.<sup>27</sup> Pengubalan Undang-Undang Islam merupakan satu perkara yang perlu dilaksanakan apabila sultan-sultan Melaka memeluk Islam. Walau bagaimanapun, perlaksanaan undang-undang Islam ini tidak boleh dilaksanakan secara mendadak. Masalah besar akan melanda empayar Melaka sekiranya hukum adat disingkirkan secara total kerana ia berkait dengan tradisi adat setempat yang merangkumi soal adat resam, nilai dan norma kehidupan masyarakat yang yang telah sekian lama diamalkan. Perkara ini barangkali disedari oleh penggubal HKM itu sendiri. Oleh yang demikian, didapati undang-undang Islam menjadi satu alternatif atau adakalanya saling melengkapi peruntukan dalam hukum adat yang diamalkan selama ini. Semuanya bergantung kepada pertimbangan para hakim. Menurut Muhammad Yusoff Hashim, daripada 44 fasal itu hanya 18 fasal sahaja yang mengikut tatacara penghukuman Islam. Sementara dalam ULM, hanya fasal 2 sahaja yang ditadbir mengikut undang-undang Islam. Adakalanya terdapat percampuran hukum adat dan hukum Islam dalam sesuatu fasal dan adakalanya kelihatan hukum Islam ini ditadbir tanpa tolak ansur langsung.<sup>28</sup>

Pada dasarnya amalan tradisi budaya Hindu masih mewarnai kehidupan masyarakat Melayu Melaka. Dalam Sejarah Melayu terdapat banyak contoh tentang perkara ini. Menurut Muhammad Yusoff Hashim pula hukum adat yang digunakan lebih condong kepada adat temenggung sementara hukum Islam adalah jelas mengikut undang-undang Islam Mazhab Syafie.<sup>29</sup> Dari segi perlaksanaan , sejauh manakah hukum adat dan undang-undang Islam memberi hak dan perlindungan kepada kaum wanita di Melaka? Benarkah kedatangan Islam mengubah sikap dan mentaliti masyarakat dan seterusnya membawa makna baru kepada kaum wanita waktu itu? Persoalan ini tidak

mudah dijawab. Islam memang menjamin perlindungan dan kesejahteraan hidup kepada umat tanpa mengira lelaki atau wanita. Dalam Islam hak kaum wanita juga dijaga. Namun, untuk menentukan berkesan atau tidak undang-undang Islam ini kepada kaum wanita tentulah bergantung sepenuhnya kepada sejauh manakah tuntutan undang-undang Islam itu benar-benar diperaktikkan atau sebaliknya. Menurut Muhammad Yusoff Hashim, penulisan dan pendokumentasian undang-undang ini tidaklah bermakna semua peruntukan dalam HKM itu wajib dirujuk bagi semua hukuman. Ia hanyalah satu perlafazan eksplisit dan untuk membuktikan bahawa wujudnya satu sistem perundangan yang mengawal kesejahteraan soial sebuah kerajaan sesuai dengan tujuan asasnya .....” supaya jangan lagi bersalahkan adat segala hukum menteri”. Menurut Muhammad Yusoff Hashim teks ini hanya dirujuk bila perlu.<sup>30</sup> Dalam pada itu ada satu lagi sumber perundangan yang boleh mengatasi apa yang ada iaitu titah raja meskipun hal ini tidak termaktub dalam mana-mana fasal HKM.

Daripada penelitian terhadap fasa-fasal yang bersabit dengan kaumwanita, didapati terdapat empat jenis kesalahan yang kerap diulang dalam beberapa fasal. Kesalahan tersebut adalah seperti berikut.<sup>31</sup>

1. Mengambil isteri orang (fasal 5,4,6,3,9.232 dan 14.2).
2. Menggoda anak isteri orang, tunangan orang dan hamba orang lain (fasal 12.1, 18.1, 18.3).
3. Rogol (fasal 12.2, 15.5, 15.6).
4. Berzina (fasal 40.1).

Fasal berkenaan empat kesalahan seks di atas lebih banyak berbanding dengan fasal lain yang menyentuh secara tidak langsung kaum wanita. Sementara itu kesalahan mengambil isteri orang pulak mendahului fasal yang lain. Adakah ini menggambarkan keadaan sosial di Melaka waktu itu? Di dalam *Sejarah Melayu*, masalah keruntuhan moral ini sering dikaitkan dengan pihak pemerintah. Sultan Mahmud, misalnya, digambarkan bernafsu besar. Beliau telah beberapa kali melakukan kesalahan seperti berzina dengan isteri orang, merampas tunangan orang, membunuh seorang pembesar lain semata-mata untuk mendapatkan seorang wanita.<sup>32</sup>

Fenomena mengambil isteri orang jelas menjadi satu perkara yang serius pada waktu itu. Dengan itu ia diletakkan dalam kategori tiga kesalahan yang tidak boleh diampuni oleh hakim.<sup>33</sup> Kesemua kesalahan ini melibatkan hukuman

bunuh. Betapa seriusnya masalah ini menyebabkan hukuman yang berat juga dikenakan ke atas orang yang menuduh orang lain mengambil isteri orang. Jika kalah dalam perbicaraan, orang yang menuduh itu dikenakan hukuman bunuh kerana “hukum mengambil isteri orang itu mati hukumnya.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun, keadaan menjadi berlainan jika ia melibatkan seorang lelaki yang membawa titah raja dengan isteri orang yang menerimanya dengan rela. Si suami tidak boleh membunuh lelaki tersebut. Sekiranya dibunuh juga si suami akan dibunuh kerana dia telah menderhaka kepada raja.<sup>36</sup> Jadi hukuman ini dikenakan ke atas si suami berasaskan kerana dia membunuh orang yang membawa titah raja. Soal mengambil isteri orang sudah menjadi kesalahan yang seolah-olah boleh dimaafkan bagi orang yang menjalankan tugas raja. Sementara kerelaan si isteri itu sendiri (suka sama suka) sepatutnya menjadi satu sebab utama mengapa lelaki (si pembawa titah) itu tidak boleh dipersalahkan dan dihukum nampaknya bukanlah pertimbangan utama semasa menjatuhkan hukuman.

Di satu segi yang lain, fasal ini juga menggambarkan fenomena mengambil isteri orang boleh berlaku dengan rela di pihak si isteri sendiri. Adakah ini menggambarkan sikap wanita di Melaka sebagai golongan yang suka menggoda dan digoda? Dalam *Sejarab Melayu*, isteri Tun Bajid barangkali merelakan perlakuan Sultan ke atasnya. Masalah moral di kalangan keluarga diraja dan rakyat bawahan jelas mengganggu kesejahteraan sosial penduduk di Melaka. Ini memang dicatatkan dalam *Sejarab Melayu* sewaktu memperkatakan darihal Tun Zainal, adik Sultan Mahmud. Beliau dikatakan seorang yang kacak dan digilai oleh wanita di zaman itu. *Sejarab Melayu* menyebut:

Maka pergila baginda berkuda; maka gemparlah segala lebuh pekan, melihat Raja Zainal lalu itu. Maka segala anak bini orang dan segala anak dara-dara yang taruhan, sekaliannya berterpaan hendak melihat Raja Zainal; ada yang menengok dari balik pintu, ada yang menengok dari kisi-kisi, ada yang menengok dari tingkap, ada yang menengok dengan menyingkap atap, ada yang memesukkan dinding, ada yang memanjat pagar. Maka rupa pengidah wanita tidaklah bersembuni lagi, rupa sirih masak, dan berpuluhan-puluhan bungkus; bunga cempaka digubah, dan bunga melur diangkat berpuluhan gantal, dan lelat, cepar, jangan dikata lagi; dan barang yang berkenan diambil oleh baginda, barang yang tiada berkenan diberikan baginda pada orang muda-muda pengiring baginda. Maka cabullah negeri Melaka pada masa itu.<sup>37</sup>

Raja Zainal akhirnya dibunuh secara oleh Sultan Mahmud kerana perilakunya itu yang mengikut perkiraan Sultan Mahmud “jikalau demikian, binasalah negeri Melaka ini”. Atas sebab-sebab “cabullah negeri Melaka” ini jugalah maka berulangkali fasal-fasal yang bersifat mengawal moral ini muncul dalam HKM. Dalam ULM pula, fasal 2 jelas memperlihatkan keimbangan pihak penggubal undang-undang terhadap soal keruntuhan akhlak di kalangan pemuda, pemudi, suami dan isteri orang ini. Fasal 2 dalam ULM, misalnya, menetapkan hukum orang berzina semasa dalam pelayaran. Ia melibatkan pasangan dari pelbagai kategori, misalnya, orang merdeka berzina dengan isteri orang, lelaki dan wanita yang sama-sama merdeka, lelaki anak seorang merdeka dengan abdi wanita.<sup>38</sup> Sekali lagi kesalahan seks yang melibatkan seorang lelaki dengan isteri orang dikenakan hukuman yang berat. Pasangan tersebut akan dibunuh oleh nakhoda sendiri di dalam jong atau balok berkenaan.

Memang terdapat fasal-fasal yang menyakinkan bahawa sistem perundangan di Melaka memberi perlindungan kepada kaum wanita. Misalnya, fasal 8.3 menyebut jika seorang merdeka memaki isteri seorang hamba sekalipun dan jika dibunuh pula oleh suami hamba abdi maka dia tidak dijatuhi hukuman bunuh meskipun menurut Islam orang yang membunuh harus dibunuh juga. Alasannya “hukum kanun sangat menjaga hukum anak isteri tidak dipermudahkan”. Fasal 43.8 dan fasal 44.1 pula melindungi anak isteri orang yang berhutang daripada dibebankan dengan hutang si suami. Namun kadangkala keyakinan ini menjadi longgar kerana ada juga fasal-fasal yang mengambil mudah terhadap sesuatu kesalahan. Fasal-fasal berkenaan kesalahan seks yang dihakimi mengikut undang-undang adat, misalnya, seringkali memberi alternatif kepada si pelaku lelaki. Seorang lelaki yang menggoda isteri orang boleh memilih untuk menyembah di depan suami wanita tersebut atau membayar sejumlah denda.<sup>39</sup> Seperti kata Muhammad Yusoff Hashim, hal individu seorang penjenayah seks masih dihormati walaupun dalam Islam jelas hukumannya.<sup>40</sup> Inilah menjelaskan mengapa sentiasa ada alternatif terhadap sesuatu hukuman dalam HKM. Dalam masyarakat tradisional, hukuman moral seperti menyembah si suami wanita yang digoda tadi di khalayak ramai merupakan satu bentuk hukuman yang menyentuh maruah (dimalukan). Dalam masyarakat tradisional malu merupakan syarat penting. Jangan sekali mendapat malu dan juga memberi malu. Berdasarkan pemikiran sebegini sudah tentulah kita boleh menjangkakan si pesalah akan sedaya upaya mengelakkan hukuman ini untuk mengelakkan

malu. Maksudnya dia tidak akan mendapat malu jika berjaya membayar denda tersebut.

Di samping itu agak sukar untuk memahami pemikiran di sebalik undang-undang yang menetapkan seorang lelaki membayar denda 10 emas atas kesalahan menangkap dan merogol seorang wanita. Penjelasan di sebalik denda tersebut bahawa "kekerasan telah digunakan" dan bukannya kerana perbuatan merogol tadi. Sementara itu bagi kesalahan yang sama ke atas seorang wanita merdeka, si lelaki diberi alternatif sama ada mengahwini wanita tersebut atau membayar denda sebanyak 3 tahil dan sepha dan membayar hadiah perkahwinan.<sup>41</sup> Satu gambaran di sini bahawa hak individu dan maruah kaum lelaki lebih dijagai berbanding dengan hak individu dan maruah seorang wanita. Sekiranya perlakuan jenayah seks boleh ditutup dengan membayar denda bermakna perlakuan ini boleh berulang dan tentu ramai gadis di Melaka waktu itu yang bukan lagi anak dara.

HKM juga memberikan satu gambaran seolah-olah wujudnya satu bentuk hiraki dalam kelompok wanita itu sendiri. Sempadannya ditentukan oleh status dan taraf perkahwinan seseorang itu. Status pula dicerminkan oleh pangkat, gelaran suami atau keluarga. Dalam hal ini golongan hamba menduduki tangga paling bawah. Hiraki ini sangat jelas jika diteliti daripada bentuk denda yang dikenakan atas kesalahan yang sama ke atas wanita daripada taraf perkahwinan yang berbeza. Seorang wanita yang telah bersuami berbeza tarafnya dengan seorang anak gadis. Bagi kesalahan menggoda isteri orang, dendanya 10 1/4 tahil. Kalau yang digoda itu anak dara, dendanya 2 1/4 dan sekiranya ia seorang hamba, dendanya 5 emas sahaja.<sup>42</sup>

Dalam kategori hamba, perbezaan yang sama juga didapati wujud. Seorang hamba yang masih anak dara, jika dipinjam dan dirogol, maka si pelaku terpaksa membayar denda 10 emas beserta sehelai baju dan sehelai kain. Jika janda, dendanya 5 emas (tanpa baju dan kain).<sup>43</sup> Dari penelitian ke atas bentuk denda ini satu tafsiran boleh dibuat. Isteri orang lebih dilindungi dan dipandang tinggi, diikuti, oleh anak dara merdeka, janda, hamba yang bersuami, hamba anak dara dan hamba janda. Isteri orang merdeka lebih tinggi tarafnya anak dara orang merdeka mungkin atas alasan isteri orang mungkin diceraikan suami sekiranya diperkosa dan ini tentulah menyusahkan mereka. Anak dara pula, jika diperkosa, boleh dikahwini lelaki tersebut jika dia mahu dan ini tentulah menyelamatkan gadis tersebut daripada kesusahan dan menanggung malu yang berpanjangan. Kemungkinan lelaki yang merogol mengahwini mangsanya lebih

tinggi memandangkan dalam fasal 43.5 ada menyebut, jika lelaki enggan mengahwini wanita yang dirogoinya maka dia akan dipukul, dinista dan dipulaukan. Seperti yang telahpun dibincangkan sebelum ini, dalam masyarakat yang sangat mementingkan status, hukuman moral dan fizikal seperti ini boleh menimbulkan aib yang berpanjangan dan tentu cuba dielakkan. Sekiranya andaian ini benar bermakna, bercanggah pula dengan kedudukan pesalah lelaki yang lebih dijaga hak mereka, penggubal HKM juga akhirnya terpaksa akur bahawa hak dan maruah kaum wanita juga harus dipelihara.

Dalam masyarakat yang kuat dibayangi oleh adat dan tradisi, tidak dapat dipastikan sejauh manakah undang-undang Islam benar-benar diperaktikkan. Memang terdapat beberapa peruntukan Islam dalam HKM, misalnya, undang-undang perkahwinan sangat jelas ditadbir oleh fasal-fasal yang mengikut Mazhab Syarie. Namun begitu, terdapat banyak fasal-fasal lain yang ditadbir oleh adat dan terdapat juga fasal-fasal yang bercampur aduk antara hukum adat setempat dan undang-undang Islam. Undang-Undang Islam tidak menguasai keseluruhan sistem pengadilan di Melaka sekalipun Melaka merupakan sebuah Kesultanan Islam. Dalam hal ini, hukum adat setempat kelihatan lebih dominan. Jadi untuk mengukur sejauhmana Islam mengubah nasib kaum wanita di Melaka bukanlah suatu perkara yang mudah kerana nampaknya setakat yang dibincangkan ini kebanyakannya yang bersabit dengan kaum wanita diadili oleh adat. Adat mungkin melindungi kaum wanita sebagai golongan yang lemah tetapi tentulah tidak memberi hak yang sama sebagaimana lelaki. Ini sangat dicerminkan dalam sistem perundangan di Melaka. HKM, Misalnya walaupun menyentuh soal nikah dan fasakh (cerai) namun tidak pula meletakkan fasal berkaitan soal selepas berlaku perceraian seperti soal pembahagian harta, hak penjagaan anak dan tuntutan nafkah untuk anak. Adakah perceraian tidak pernah atau jarang berlaku di Melaka waktu itu atau soal perceraian dan perkara yang bersangkutan dengannya tidak pernah menimbulkan masalah besar kepada masyarakat setempat?

Kaum wanita di zaman kesultanan Melayu Melaka juga tidak boleh menjadi saksi (walau seberapa ramai) dalam soal ekonomi seperti berjual beli, pengembalian barang-barang yang dibeli, hal-hal berkaitan pembelian dan keselamatan bermiaga, menjadi penjamin untuk sebarang tuntutan, membatalkan perjanjian dan sebagainya. Mereka hanya boleh menjadi saksi dalam perkara yang berkaitan dengan kelahiran, mengandung, datang haid, perdaraan, hilang dara dan perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan tugas semulajadi or-

ang perempuan.<sup>44</sup> Ini jelas menunjukkan pemikiran masyarakat Melaka terhadap kaum wanita di zaman tersebut. Mereka hanya layak memikul tugas-tugas kemasyarakatan yang sesuai dengan sifat semulajadi seorang wanita!

### KESAN KEPESATAN PERDAGANGAN KE ATAS KAUM WANITA DI MELAKA

Dari sudut ekonomi, kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan tidak dinafikan turut memberi kesan kepada kaum wanita golongan bawahan. Kesibukan Melaka sebagai bandaraya kosmopolitan dengan penghuni yang terdiri daripada orang tempatan dan “orang dagang” yang datang berniaga mengikut musim dan ada yang menetap telah mewujudkan satu pola kemasyarakatan yang pelbagai dengan bentuk sosio budaya yang juga berbagai-bagai rentak. Pola perubahan ini turut mengheret sama kaum wanita di Melaka yang juga merupakan sebahagian daripada masyarakat.

#### a) Pertanian, perniagaan dan pelayaran

Meskipun sumbangan dan peranan kaum wanita di Melaka kelihatan terhad kepada soal domestik semata-mata melalui penelitian ke atas HKM, sumber lain pula membuktikan sebaliknya. Kaum wanita di Melaka, khususnya wanita-wanita di luar lingkungan diraja, turut terlibat dalam pertumbuhan ekonomi empayar itu dengan cara tersendiri. Seperti yang ditegaskan oleh Anthony Reid, kaum wanita di Asia Tenggara menikmati hak-hak yang lebih tinggi dan memberi sumbangan penting dalam sektor ekonomi seperti penglibatan dalam sektor penanaman padi dan pemasaran. Pola ini dikatakan tidak dapat diganggu gugat dengan kedatangan agama Islam, Kristian dan Buddha. Inilah juga yang menjelaskan mengapa nilai anak-anak perempuan tidak pernah dipersoalkan di Asia Tenggara berbanding dengan China, India dan Timur Tengah.<sup>45</sup>

Di Melaka, pertumbuhan pesat perdagangan di Melaka turut meningkatkan peranan kaum wanita. Mereka tidak lagi terpaku di dapur. Dalam bidang pertanian, mereka membantu suami dan keluarga atau tuan-tuan mereka mengerjakan sawah, menuai padi, menternak dan membuat kerja anyaman serta berniaga kecil-kecilan. Tome Pires mencatatkan kaum wanita juga berniaga dan berjaya di sepanjang jalan di bandar Melaka. Melaka dikatakan mengaut pendapatan yang tinggi setiap bulan hasil daripada kegiatan wanita yang berjualan

ini menerusi cukai-cukai yang dibayar oleh peniaga-peniaga wanita itu kepada pembesar yang menguasai jalan-jalan di Melaka.<sup>46</sup> Sementara itu sumber rekod China, *Hai Yu*, mencatatkan penglibatan kaum wanita di Melaka dalam perniagaan seperti berniaga di pasar-pasar malam.<sup>47</sup> *Sejarah Melayu* juga ada menyebut kaum wanita di Melaka menjadi tuan punya kedai.<sup>48</sup>

Kaum wanita di Melaka juga dipercayai terlibat secara tidak langsung dalam bidang pelayaran meskipun bukanlah sebagai ahli pelayaran atau tuan punya jong dan balok. Mereka berlayar mengikut suami atau hamba wanita mengikut tuan mereka. Kesemua ini boleh diteliti melalui ULM. Fasal 2; misalnya, menyebut hukum berzina dengan wanita isteri orang atau hamba yang menyertai tuannya dalam pelayaran.<sup>49</sup> Tome Pires juga pernah menerangkan hukum adat sekiranya seorang isteri yang mengikut suami belayar dan menyerahkan wang “dowri” kepada si suami kemudian diceraikan maka wang tersebut haruslah dipulangkan semula kepada si isteri beserta faedahnya sekali.<sup>50</sup> Mengikuti suami belayar sudah menjadi satu perkara biasa bagi kaum wanita rakyat bawahan kerana setiap pelayaran itu mengambil masa yang lama. Kehadiran si isteri boleh membantu dalam pelbagai hal, dari soal keperluan batin hingga kepada soal penyediaan makanan dan juga untuk membantu perniagaan suami apabila tiba ke destinasi yang dituju. Mereka boleh membantu perniagaan suami atau tuan mereka di atas kapal atau juga berjaya di sekitar kawasan pelabuhan. Betapa pentingnya kehadiran seorang isteri dan wanita dalam sesuatu pelayaran itu dijelaskan dalam ULM yang memperuntukkan “hendaklah diberi isteri” kepada seorang seorang anak kapal sekiranya isterinya dihukum atas kesalahan berzina. Kesemua ini untuk memastikan “supaya tetaplah ia kerja sebagai awak perahu”.<sup>51</sup> Pendekkata, kehadiran seorang isteri atau seorang wanita boleh membantu kejayaan sesuatu pelayaran dan perniagaan.

b) Perkahwinan campur, poligami dan pergundikan

Kebanyakan negara di Asia Tenggara dikatakan mengamalkan monogami iaitu seorang isteri untuk seorang suami. Walau bagaimanapun, perceraian boleh berlaku dengan mudah. Setiap pasangan boleh bercerai dan berkahwin lain bila perlu. Di Melaka, seperti juga lain-lain pelabuhan Islam yang lain, keadaan agak berbeza sedikit kerana pengaruh Islam membolehkan si suami memiliki lebih daripada seorang isteri. Pola perkahwinan ini juga turut dipengaruhi oleh kepesatan Melaka sebagai pusat perdagangan. Akibat kepesatan perdagangan

ini, perkahwinan bukan lagi bersifat setempat iaitu antara sesama orang tempatan tetapi juga antara orang tempatan dengan “orang dagang” atau sesama orang dagang yang berlainan bangsa. Ini bermaksud perkahwinan campur atau perkahwinan ‘sementara’.<sup>52</sup> merupakan satu ciri yang akan muncul di setiap negeri yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dan membuka pintu kepada orang luar.

Terdapat beberapa faktor yang menggalakkan perkahwinan campur ini. Antaranya, ia berlaku atas galakan pihak pemerintah sebagai contoh yang terdekat dengan tujuan untuk meningkatkan bilangan umat Islam di Melaka. Kemasukan orang luar dan penyerapan mereka ke dalam masyarakat tempatan juga menyebabkan fenomena kahwin campur tidak dapat dielakkan. Ada di antara pedagang dan orang luar yang datang ini dengan tujuan untuk berdagang sahaja dan akan pulang ke negara asal mereka tetapi ada juga berhasrat untuk menetap di Melaka. Ada yang membawa anak isteri dan ada yang meninggalkan anak isteri di negara asal. Kelompok kedua inilah yang paling ramai mengahwini wanita tempatan dan wanita orang asing di Melaka.

Melalui *Sejarah Melayu* dan catatan Tome Pires, kita dapat ramai wanita orang kebanyakan, anak pembesar dan anak orang asing dikahwini oleh Raja-raja Melaka. Tome Pires, misalnya mencatatkan Sultan Iskandar Syah (Mansur Syah?) mengahwini seorang wanita China dan Puteri Raja Pasai.<sup>53</sup> Raja-raja Melaka sering mengahwinkan adik perempuan atau kerabat perempuan dengan pemerintah luar Melaka dengan tujuan pengukuhan politik dan agama. Sultan Muzaffar, setelah mengalahkan Kampar dan Indragiri, bertindak menjodohkan dua anak perempuan abangnya, Raja Puteh dengan pemerintah kedua-dua negeri tersebut yang akhirnya memeluk Islam.<sup>54</sup>

Kejayaan mengislamkan pemerintah kafir merupakan satu kejayaan besar bagi seseorang pemerintah. Mereka mendapat pujian dan penghormatan daripada pemerintah luar yang beragama Islam. Sultan-sultan Melaka ramai yang menjadi terkenal melalui cara ini. Tome Pires pernah menyebut raja-raja negara Islam seperti Aden, Ormuz, Cambay dan Bengala menghantar ucapan tahniah dan pelbagai hadiah kepada Sultan Muzaffar. Di samping itu mereka juga menghantar pedagang dari negara mereka untuk berdagang di Melaka<sup>55</sup> yang akhirnya ada yang menetap di Melaka kerana merasakan wujudnya persamaan dan keserasian dari segi agama.

Walau Bagaimanapun, seperti yang ditegaskan oleh Muhammad Yusoff Hashim, dari segi status, tidak ada bukti yang menunjukkan wanita dari kalangan

orang asing ini berjaya menyerap masuk ke dalam kelas kerabat Diraja meskipun mereka melahirkan anak-anak lelaki yang boleh menduduki kelas kerabat dengan gelaran raden, raja dan paduka.<sup>56</sup> Ini bermakna kaum wanita bangsa asing yang menjadi isteri sultan tidak berpeluang menikmati mobiliti sosial sebagaimana wanita bangsawan tempatan. Tun Fatimah dan Tun Kudu adalah di antara contoh wanita bangsawan yang berjaya meningkatkan statusnya melalui perkahwinan dengan sultan Melaka.

Memperkatakan tentang golongan orang asing yang ada di Melaka ini, nasib orang lelaki mereka lebih baik sedikit kerana *Sejarah Melayu* membuktikan ada ruang untuk meningkatkan mobiliti sosial mereka sekiranya berbuat jasa atau baik dengan raja. Raja Mendeliar, sebagai contoh, menjadi syahbandar kerana hubungan baiknya dengan sultan.<sup>57</sup> Walau bagaimanapun, perjalanan hidup kaum wanita mereka pula tidaklah diketahui. Namun tentu sekali kaum wanita orang asing mempunyai kehidupan yang tersendiri. Mereka turut mengecapi kemewahan hasil kejayaan suami malah dalam keadaan yang tertentu mereka juga boleh bertindak di luar dugaan, pintar berkomplot demi menjamin masa depan keluarga. Kisah isteri Utimutaraja yang ingin menuntut belas di atas kematian suami, anak lelakinya dan salah seorang daripada cucu lelakinya yang dihukum bunuh oleh Portugis pada 27 Disember 1511 kerana menyebelahi Sultan Melaka menunjukkan kaum wanita orang asing bukanlah golongan yang pasif. Setelah gagal menyelamatkan nyawa suami, anak dan cucunya melalui beberapa tawaran kepada Albuquerque, isteri Utimutaraja mula merancang menggunakan segala kekayaan milik keluarganya untuk menjatuhkan pihak Portugis termasuklah merasuah Pateh Kadir, pengganti Utimutaraja di Upeh. Hubungan Pateh Kadir dan Utimutaraja sebelum ini tidaklah baik tetapi tawaran daripada isteri Utimutaraja tidak berdaya ditolak oleh Pateh Kadir kerana beliau yakin tawaran ini boleh menjayakan hasrat beliau untuk menjadi orang yang berkuasa di Melaka. Selain dijanjikan sejumlah emas, isteri Utimutaraja juga bersedia mengahwinkan Pateh Kadir dengan anak perempuannya. Dengan tawaran tersebut, Pateh Kadir mengatur rancangan untuk menjatuhkan Portugis di Melaka. Malang sekali Albuquerque dan Portugis terlalu sukar untuk ditumpaskan.<sup>58</sup>

Sebagaimana yang dicatatkan oleh Tome Pires, perkahwinan campur sudah menjadi satu kebiasaan di Melaka.<sup>59</sup> Orang-orang Islam sangat menggalakkan anak-anak dan kaum wanita mereka mengahwini orang bukan Islam kerana keuntungan-keuntungan yang bakal diperolehi. Dari segi tuntutan agama,

mengislamkan orang kafir juga akan diberi pahala. Mungkin ini juga menjadi satu lagi faktor mengapa perkahwinan campur sangat digalakkan. Selain daripada itu perkahwinan campur ini juga mempunyai maksud komersil. Pembesar tempatan dan rakyat biasa mengahwinkan anak atau saudara mara wanita mereka dengan orang dagang yang kaya mungkin dengan harapan perkahwinan ini boleh mengubah nasib mereka dari segi ekonomi. Di pihak orang luar sendiri, mengahwini orang tempatan bermaksud dia diterima dalam masyarakat tempatan dan dengan secara tidak langsung indentiti “orang dagang” pada dirinya terpadam sekikit demi sedikit.

Keghairahan untuk mengahwini orang luar adakalanya mengundang malapetaka. Cerita kejayaan Potugis menakluk Melaka 1511 umumnya dikaitkan dengan kekuatan strategi peperangan pihak musuh dan kelemahan pentadbiran Melaka tanpa menyedari ia juga berkait dengan peranan wanita tempatan. Beberapa orang wanita tempatan yang bersahabat baik dengan orang Portugis yang ditawan di Melaka dikatakan bertanggungjawab memberi maklumat-maklumat penting tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku di bandar Melaka kepada tawanan-tawanan tersebut yang secara sulit pula menyampaikan maklumat tersebut kepada pihak berkuasa Portugis. Maklumat-maklumat ini memudahkan pihak Portugis mengatur strategi menawan Melaka.<sup>60</sup>

Meskipun perkahwinan campur digalakkan di Melaka namun pihak pemerintah ingin memastikan ia ditadbirkan dengan baik tanpa menjelaskan keharmonian yang sedia ada. Dengan itu dari segi adat perkahwinan, baik orang tempatan maupun orang asing tertakluk kepada adat yang sama. Seseorang hanya boleh mengahwinkan anak perempuan mereka yang telah baligh dan biasanya setelah mencapai umur 15 tahun atau ditandai dengan kedatangan haid.<sup>61</sup> Pemberian hantaran perkahwinan dan mas kahwin atau disebut “dowri” oleh Tome Pires merupakan perkara penting dalam sesuatu urusan perkahwinan. Ia juga menjadi tanda kesucian seseorang wanita. Menurut Tome, seorang lelaki Islam mestilah memberikan dowri 10 tahil dan 6 emas kepada wanita yang ingin dikahwininya. Dowri ini menjadi hak milik mutlak wanita tersebut dan mesti dipulangkan semua (sekiranya wanita itu menyerahkan dowrinya kepada suami) kepada wanita tersebut sekiranya berlaku perceraian.<sup>62</sup> Sekiranya seorang wanita merdeka dirogol maka mengikut hukum adat setempat (sekiranya pesalah itu enggan mengahwini wanita tersebut), beliau mestilah membayar sejumlah denda dan membayar harga hantaran perkahwinan sebagaimana yang termaktub

dalam HKM fasal 12.2. Sementara itu fasal 43.5 pula menyebut hantaran itu mestilah digandakan.<sup>63</sup>

Selain daripada soal adat, status masih lagi menjadi pertimbangan paling utama dalam soal pemilihan jodoh. Orang lelaki tidak digalakkan mengahwini orang wanita dari kelas bawahan. Lelaki Islam hanya boleh mengahwini seorang wanita majusi dan wanita kafir yang telah diislamkan. Perkahwinan seorang lelaki merdeka dengan wanita hamba hanya boleh dalam empat keadaan iaitu pertama, jika lelaki merdeka itu belum mempunyai isteri daripada kalangan wanita merdeka; kedua, sekiranya lelaki itu tidak boleh mengawal hawa nafsu; ketiga, sekiranya lelaki itu tidak berupaya menyediakan mas kahwin kepada wanita merdeka; keempat, sekiranya wanita (hamba) itu sudah diislamkan. Berbanding dengan kaum lelaki, halangan kepada kaum wanita dalam soal perkahwinan ini agak longgar. Wanita merdeka, misalnya, boleh mengahwini abdi lelaki dengan syarat ia berlaku atas kerelaan wanita itu sendiri dan dipersetujui oleh saudara-maranya.<sup>64</sup>

Selain daripada kedatangan Islam, kepesatan Melaka sebagai pusat perdagangan turut mempengaruhi pola kekeluargaan. Poligami, misalnya, berlaku di kalangan pemerintah, kaum kerabat dan golongan pembesar kerana mereka inilah yang memiliki lebih banyak kuasa dan kekayaan serta menikmati status sosial yang tinggi.<sup>65</sup> Lagi ramai isteri maka lebih hebat dipandang orang. Dengan kelebihan ini maka berkahwin lebih daripada satu menjadi satu fenomena biasa di kalangan kelompok tersebut. *Sejarah Melayu* dan *The Suma Oriental* banyak memberi contoh tentang hal ini. Tome Pires pernah mencatat tentang raja-raja yang mempunyai ramai isteri dan mengatakan sudah menjadi kebiasaan pembesar memiliki lebih daripada seorang isteri dan gundik yang ramai. Ia semacam perkara biasa dan tidak menimbulkan masalah sosial yang lain kerana Tome Pires sendiri mencatat bahawa wanita-wanita yang menjadi isteri dan gundik ini selalunya tinggal sebumbung dengan aman damai.<sup>66</sup> Selain daripada itu mereka juga dikelilingi oleh dayang-dayang dan penghibur-penghibur istana yang sudi berkhidmat pada bila-bila masa.

Perlakuan mempunyai isteri. Gundik dan hamba wanita yang ramai ini juga boleh berlaku dengan mudah melalui beberapa cara seperti melalui hadiah oleh para pedagang, cara tawanan (mengambil puteri dari negara yang ditawan) atau seperti kes Sultan Mahmud merampai segala harta benda keluarga bendahara Tun Mutahir yang dibunuhan termasuk 20 orang wanita cantik. Mereka ini dibawa ke rumahnya dan membuat pelbagai tugas termasuklah sebagai dayang, gundik

atau dijadikan hamba.<sup>67</sup> Bagi golongan bawahan, berkhidmat kepada Raja atau pembesar merupakan satu penghormatan kepada dirinya dan keluarganya. Gundik pula, meskipun dianggap sebagai golongan yang lebih rendah tarafnya tetapi mereka juga mendapat pelbagai keistimewaan daripada raja meskipun bukan sebagai isteri rasmi. *Sejarah Melayu* juga membuktikan ada gundik yang sangat disayangi oleh Sultan. Bermukah dengan gundik raja pula merupakan satu kesalahan yang besar. Hang Tuah dihukum bunuh kerena dituduh menggoda gundik raja. Malah gundik juga boleh menjadi satu alat untuk menebus kesalahan sebagaimana Sultan Mahmud menganugerahkan gundiknya yang bernama Tun Iram Sendari kepada Tun Biasid sebagai menebus kesalahannya berzina dengan isteri Tun Biasid,<sup>68</sup> satu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Sultan-sultan Melaka sebelum ini.

Menjadi gundik atau kepada raja dan kaum kerabatnya serta pembesar merupakan sesuatu yang diimpikan oleh kaum wanita di Melaka. Malah sentiasa wujud perebutan dan dengki mendengki sesama mereka untuk mendapatkan tempat di hati raja. Lihatlah bagaimana anak perempuan Sang Rajuna Tapa difitnah oleh dayang-dayang lain kerana dia disayangi raja. Sementara kaum wanita sentiasa berdebar dan berhias diri sewaktu golongan atasan masuk ke kampung mereka dengan harapan akan diambil berkhidmat di kediaman mereka. Dengan gejala sosial seperti ini bermakna hubungan luar nikah sebelum berkahwin merupakan keadaan biasa di dalam masyarakat Melayu Melaka waktu itu. Fenomena ini lebih ketara di kalangan wanita kelas bawahan berbanding wanita-wanita dari golongan bangsawan kerana pergerakan wanita bangsawan lebih terbatas oleh tradisi dan lingkungan agama. Di dalam kelompok elit, soal kesucian seorang gadis masih menjadi syarat utama semasa berkahwin.

Mengikut kajian Anthony Reid, di pelabuhan-pelabuhan penting di Asia Tenggara, wujud juga gejala perkahwinan sementara (kontrak). Beliau mengambil contoh apa yang berlaku di Patani pada abad ke 17, bilamana pedagang yang datang bermiaga mengambil isteri sementara dengan menjanjikan sejumlah wang kepada mereka. Wanita ini akan membantu urusan rumah tangga dan juga menjadi "isteri" bila diperlukan. Mereka akan dibayar (seperti yang dijanjikan dalam kontrak lisan mereka) setelah pedagang berkenaan membuat keputusan untuk meninggalkan tempat tersebut. Pasangan itu berpisah dengan baik dan wanita-wanita ini akan membuat "kontrak" dengan lelaki lain pula.<sup>69</sup>

Di Melaka, tidak dapat dipastikan keadaan yang serupa wujud. Namun begitu, ada juga saudagar-saudagar China yang datang sekali sekala dilayani

oleh hamba-hamba wanita pagi dan petang di tempat mereka menginap.<sup>70</sup> Menurut Reid, pelacuran, meskipun jarang berlaku, tetapi mula muncul di pelabuhan-pelabuhan utama di Asia Tenggara pada akhir abad ke 16. Biasanya ia melibatkan wanita hamba raja atau pembesar akibat daripada tuntutan yang pelbagai daripada pengunjung Eropah dan China.<sup>71</sup> Di Melaka, meskipun tidak dapat dibuktikan dengan statistik, jumlah golongan hamba memang ramai. Golongan yang mempunyai status dan penguasaan ekonomi yang tinggi selalunya memiliki ramai hamba. Ini bermakna bukan sahaja raja atau pembesar malah pedagang yang kaya juga memiliki hamba.<sup>72</sup> Hamba melambangkan status dan punca pendapatan. Lagi ramai hamba bermakna semakin kaya dan tinggi darjat seseorang itu.

Fenomena perhambaan mempunyai sejarah yang panjang dan memperlihatkan percampuran pengaruh Hindu dan Islam. Ia dipercayai wujud, melalui cara peperangan, penaklukan dan sistem kasta. Sebelum kedatangan pengaruh Hindu atau sekurang-kurangnya dengan terdirinya empayar Srivijaya pada kurun ke-7. Tradisi ini terus bertapak kukuh di zaman kesultanan Melayu Islam Melaka memandangkan perhambaan juga merupakan tradisi dalam masyarakat Arab atau Islam.

Meskipun perhambaan di negeri-negeri Melayu boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu hamba abdi dan hamba berhutang, namun perbezaan antara kedua-duanya tidaklah ketara. Tugas berhutang masih dianggap sebagai orang merdeka yang diikat oleh hutangnya. Sementara nasib hamba abdi bergantung sepenuhnya kepada tuan-tuan mereka.<sup>73</sup>

Kedudukan mereka, walaupun digambarkan dalam HKM, dilindungi dan mempunyai hak sebagai sebahagian daripada masyarakat namun dari segi hiraki sosial mereka tetap berada di tahap yang paling rendah. Perbezaan jumlah denda yang perlu dibayar oleh seseorang lelaki yang membuat kesalahan seks dengan seorang hamba wanita membuktikan perkara ini. Golongan wanita hamba ini memberi pelbagai perkhidmatan yang dituntut oleh tuannya termasuk perkhidmatan seks. Mereka boleh dipinjamkan kepada orang lain dengan persetujuan tuannya dan ini merupakan salah satu cara bagaimana seseorang tuan hamba mendapat keuntungan daripada pemilikan hamba. Fasal 2 dalam ULM menyebut sekiranya seorang lelaki anak orang merdeka bermukah dengan abdi yang "dipakai" oleh tuannya, maka lelaki itu terpaksa membayar denda sekali ganda harga dirinya. Tetapi jika hamba wanita itu sudah lama "dipakai" oleh tuannya (dan tidak hamil) maka tuannya bebas membuat keputusan sama

ada untuk meminta bayaran atau membunuh hamba itu. Sekiranya hamil (oleh tuannya) maka kedua-duanya harus dibunuh. Sekiranya baru “dipakai” maka hamba wanita itu harus dibunuh sementara lelaki itu terpaksa memberi khidmat (masuk ulor) kepada tuan hamba abdi wanita tersebut.<sup>74</sup>

Fasal tersebut jelas menunjukkan hamba wanita tanpa mengira daripada kategori mana dia berada mempunyai nilai komersil (kepada tuannya). Selain memberi perkhidmatan kepada tuannya dia tidak boleh berkhidmat kepada orang lain kecuali dipinjamkan dengan persetujuan tuannya. Dia adalah milik mutlak tuannya. Berlaku curang di belakang tuannya boleh membawa padah kerana ia merupakan kesalahan yang tidak diampunkan. Wanita hamba abdi ini akan dihukum bunuh sekiranya berzina dengan orang lain. Sementara itu dalam fasal 31.2 HKM pula menyebut hamba wanita berhutang yang mempunyai anak sewaktu dibeli atau beranak semasa dengan tuannya yang baru maka anak itu akan menjadi milik tuannya yang baru. Tetapi sekiranya hamba berhutang itu (lelaki dan wanita) menghidap penyakit teruk maka dia akan dipulangkan semula kepada tuannya.<sup>75</sup> Ini menggambarkan soal pemilikan hamba ini adalah atas nilai komersilnya. Anak-anak hamba wanita yang berhutang itu diambil oleh tuan baru itu kerana ia juga merupakan punca pendapatan untuk masa akan datang. Apabila besar mereka juga akan meneruskan fungsi dan tugas seorang hamba berhutang iaitu memberi pelbagai perkhidmatan kepada tuannya. Sekiranya hamba berhutang itu melahirkan anak sewaktu berada dengan tuan barunya bermakna tuan baru tidak perlu membayar apa-papa kepada tuan lama sebaliknya mendapat keuntungan baru dengan kelahiran secara percuma itu.

### KESIMPULAN

Daripada penelitian di atas *Sejarah Melayu*, *teks Hukum Kanun Melaka*, *Unsang-Undang Laut Melaka* dan pelbagai sumber yang berkaitan tentang Melaka maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kaum wanita di Melaka turut memain peranan serta menyumbang kepada kemakmoran ekonomi dan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, peranan dan sumbangan mereka ini tidaklah mencerminkan wujudnya satu bentuk hubungan gender yang sama taraf. Adat masih merupakan batasan utama bagi kaum wanita zaman tradisi Melaka. Hal Ehwal diri mereka banyak ditadbir oleh adat berbanding hukum Islam itu sendiri. Seperti yang ditegaskan, adat setempat tentu sekali tidak memberi ruang untuk kaum wanita duduk samarata dengan kaum lelaki. Agama Islam pula bukanlah

satu-satunya faktor terpenting yang mengubah peranan dan fungsi kaum wanita di Melaka. Kepesatan perdagangan juga nampaknya turut bertanggungjawab mengheret golongan ini ke dalam pola ekonomi yang pelbagai.

**NOTA**

- 1 Lihat Tan Liok Ee, "Wanita dan Penulisan Sejarah: Batasan dan Potensi Perspektif Gender," dalam Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (peny.), *Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996 hal. 88-101. Lihat juga, Anne-Lise Head-Koning, "Demographic History and Its Perception of Women from the Seventeenth to the Nineteenth Century." Dalam Karen Offen, Ruth Roach Pierson dan Jane Rendall (peny.), *Writing Women's History: International Perspectives*. London: Macmillan, 1991. Hal 25-44; zgisela Bock. "Challenging Dichotomies: Perspective on Women's History" dalam Karen Offen, Ruth Roach Pierson and Jane Rendall (peny.), *Ibid.* hal.1-23.
- 2 Anthony Reid, "Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia," *Modern Asian Studies*, 22,3 (1988), hal. 629-645; Lihat juga kajian tentang kemunculan Sultanah-Sultanah di aceh di abd 16 hingga 18 oleh penulis yang sama berjudul "Trade and the Problem of Royal Power in Aceh, dalam Anthony Reid dan Lance Castles (peny.). *Pre-Colonial State System in Southeast Asia*, MBRAS, No. 6, 1975. Hal. 45-55
- 3 Lihat lenore Manderson, *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980: tentang pergerakan wanita UMNO di Malaysia; Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995; Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. Kedua-duanya berkisar kepada pengalaman peribadi dan jatuh bangun kedua-dua tokoh wanita ini dalam politik UMNO. Lai Ah Eng, *Peasants, Proletarians and Prostitutes: A Preliminary Investigation into the Work of Chinese Women in Colonial Malaya*, Institute of Southeast Asian Studies, Research Notes and Discussions Paper No. 59, 1986 melihat letak duduk wanita Cina dalam konteks hubungan kelas, etnik dan gender.
- 4 Lihat Alisa bt Hj. Ismail *Katalog Wawancara Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia*, Kuala Lumpur. Arkib Negara Malaysia, 1991. Dua wanita isteri pegawai British yang diwawancara ialah Patricia Mary Carlisle Ambler dan Lady Peggy Templer.

- 5 Marie-Andree Couillard, "The Pangs and Pitfalls of Developments for Malay Women: From The Rule of the Domestic Sphere to Its Downfall", *Kajian Malaysia*, Jil. V111, No.1, hal 68-92. Tulisan ini telah dikritik hebat oleh Khoo Kay Jin, seorang ahli akademik yang banyak melakukan penyelidikan dan penulisan tentang masyarakat Melayu Kedah sebelum penjajahan. Lihat ulasan artikel bertajuk "Some Reflections On Couillard's The Pang and Pitfalls of Development for Malay Women: From The Rule of The Domestic Sphere to its Downfall", *Kajian Malaysia* , Jil. V111, No. 2, Disember 1990, hal. 103-123.
- 6 Lihat Cheah Boon Kheng, "Di Belakang Tabir: Tinjauan Sejarah tentang Peranan Wanita Melayu Dalam Politik Istana", dalam Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (peny). *Alam Pensejarahan : Dari Pelbagai Perspektif*, hal. 102-125. Kajian ini juga diterbitkan dalam bahasa Inggeris dengan tajuk "Power Behind the Throne" *The Role of Queens and Court Ladies in Malay History* JMBRAS, Vol. LXVI. Part 1, 1993, hal. 1-21.
- 7
- 8 Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu). Selenggaraan A. Samad Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hal. 142-143; pemberian kawasan dan hubungan tuan dan anak buah ini telah dilihat sebagai satu ciri feudalisme Melayu. Lihat, Cheah Boon Kheng, "Feudalisme Melayu: Ciri-ciri dan Pensejarahannya" dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (peny). *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hal. 3-30.
- 9 Armando Cortesao (peny). *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, 1944, hal.268.
- 10 Muhammmad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 294 dan 296. Taraf biduanda adalah lebih baik dari pada seorang hamba.
- 11 Armando Cortesao (peny), op. cit. Hal. 249\
- 12 Geoff Wade, " Melaka in Ming Dynasty Texts", JMBRAS, Vol. LXXX, Part 1, 1997, hal. 49
- 13 Abdul Rahman Hj. Ismail, "Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja-Rakyat Masyarakat Melayu Tradisional Seperti Yang

- Terdapat di dalam Kitab-kitab Sastera Sejarah Melayu, Kajian Malaysia. Jil. III, Bah. 1, Jun 1985. Hal.36.
- 14 Ibid. hal.53
  - 15 Sulalatus Salatin, op.cit, hal. 205-206
  - 16 Cheah Boon Kheng, "Di Belakang Tabir: Tinjauan Sejarah Tentang Peranan Wanita Melayu Dalam Politik Istana", bab 6
  - 17 Sulalatus Salatin, op. Cit, hal.92-93
  - 18 Ibid, hal. 264 mengisahkan perihal Tun Fatimah setelah menjadi Permaisuri "jangankan ia tertawa, tersenyum pun ia tiada pernah", Lihat Abdul Rahman Haji Ismail, "artikel ulasan yang berjudul, Sejarah Malaysia: Pentafsiran dan Penulisan oleh Zainal Abidin bin Abdul Wahid", Kajian Malaysia, Jil. X, No. 1, Jun 1992, hal. 63-80, dipercayai pembunuhan Sultan Ahmad, adalah hasil perancangan Tun Fatimah dan para penyokongnya.
  - 19 Sulalatus Salatin, op. Cit, hal. 265
  - 20 Ibid, hal. 187
  - 21 Ibid, hal. 82-88
  - 22 22 Ibid, hal. 188
  - 23 Ibid, hal. 224-231
  - 24 Ibid, hal. 282
  - 25 Ibid hal. 212-215
  - 26 Ini termasuklah fasal yang bersabit dengan kesalahan menuduh orang berzina. Hukum Kanun Melaka yang dirujuk dalam kajian ini ialah yang diusahakan oleh Liaw Yock Fang
  - 27 Muhammad Yusoff Hashim, op.cit. hal. 204
  - 28 Ibid, bab 9 dan 10 membincang secara terperinci pemikiran tentang undang-undang di zaman Kesultanan Melayu Melaka
  - 29 Ibid, hal 221
  - 30 Ibid, hal. 213
  - 31 Fasal-fasal ini termasuk juga yang melibatkan hamba-hamba wanita
  - 32 Fasal ini merupakan kesalahan semasa dalam pelayaran yang dijelaskan secara terperinci dalam fasal 2 ULM
  - 33 Lihat Sulalatus Salatin, op. Cit, hal. 193; 194; 224-231, yang menceritakan Perihal Sultan Mahmud berzina dengan isteri Tun Bajid, menitahkan Tun Isap membunuh Tun Ali Sandang yang berada di rumah Tun Dewi, dan merampas Tun Teja, tunangan Raja Pahang

- 34 Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1976, fasal 6.3. Dua kesalahan lain ialah dosa membunuh orang dan perangai bermaharajalela.
- 35 Ibid, fasal 14.2
- 36 Ibid, fasal 5.4.
- 37 Sulalatus Saltin, op.cit, hal.235
- 38 R.O Winstedt dan P.E. De Josselin De Jong (peny), "The Maritime Laws of Malacca", JMBRAS, 29, iii, 1956
- 39 Liaw Yock Fang, op.cit, fasal 12.1
- 40 Muhammad Yusoff Hashim, op.cit, hal.209
- 41 Liaw Yock Fang, op.cit, fasal 12.2
- 42 Ibid, fasal 12.1
- 43 Ibid, fasal 15.5 dan 15.6
- 44 Ibid, fasal 26 dan 37.2
- 45 Anthony Reid, "Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia", hal.629
- 46 Armando Cortesao (peny), op.ciy, hal.274
- 47 Geoff Wade, op.cit, hal.55
- 48 Sulalatus Salatin, op.cit, hal, 175
- 49 R.O Winstedt dan P.E. De Josselin De Jong (peny), op.cit, fasal 2,
- 50 Armando Cortesao (peny), op.cit, hal 267.
- 51 R.O Winstedt dan P.E De Josselin De Jong (peny), op.cit.fasal 2
- 52 Perkahwinan sementara ini berlaku di antara orang-orang asing dengan wanita-wanita tempatan dalam tempoh orang-orang asing menetap di Melaka. Dalam kelas elit, bentuk perkahwinan seperti ini tidak mudah berlaku kerana perkahwinan keluarga Diraja dan berdarjat biasanya, lebih bertujuan pengukuhan hubungan diplomatik serta melibatkan pertukaran hadiah yang besar termasuk pemberian wilayah. Penceraian boleh menjaskan hubungan ini.
- 53 Perkahwinan sultan-sultan Melaka dengan puteri-puteri negara luar adakalanya dibuat atas semangat menjalin hubungan muhibbah.
- 54 Armando Cortesao (peny), op.cit. hal. 245
- 55 Ibid
- 56 Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan sifat Kosmopolitannya", dalam K.S. Sandhu dan Paul Whwathly (peny), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital C. 1400-1980*, Vol. I Kuala Lumpur: Oxford Universisy Press, 1983, hal. 115

- 57 Dalam Sejarah Melayu ada diceritakan kekayaan yang dimiliki oleh Raja Mendeliar. Seorang saudagar kling di Melaka. Sulalatus Salatin,op.cit. hal. 252. Nina Chattu, seorang Kling juga seorang yang berpengaruh dan kaya di Melaka. Lihat, Dr. Luis Felipe F. Reis, *Nina Chattu and the Portuguese Trade in Malacca* (diterjemah oleh M.J. Pintado), Melaka: Luso-Malaysian Books, 1991, hal.27
- 58 M.L. Pintado. Portuguese Documents on Malacca, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, Vol. 1, 1993, hal, 191-193
- 59 Armando Cortesao (peny), op.cit, hal. 243
- 60 M.J. Pintado, Portuguese Documents on Malacca hal. 219. Kemungkinan juga maklumat-maklumat tentang Melaka diperolehi dari wanita-wanita yang berkahwin dengan orang asing dan menetap di luar Melaka. M.J. Pintado pernah mencatat tentang seorang pengembara Itali bernama Bonojuto de Albano yang berkahwin dengan seorang wanita Melayu dari Melaka sekitar awal abad ke 16. Mereka kemudiannya menetap di Lisbon dan begitu dihormati oleh keluarga diraja Portugal. Alfonso de Albuquerque dikatakan mendapat banyak maklumat tentang Melaka daripada suami wanita tersebut. Lihat, M.J Pintado, *A Stroll Through Ancient Malacca and a Glimpse at her Historical Sites*. Melaka, 1980, hal.13. Lihat juga D. G. E. Hall, *Early English Intercourse with Burma, 1587-1743 with the Tragedy of Negrais as a New Appendix*, London: Frank Cass, 1968, hal. 100-101. Di Myanmar, pada awal abad ke-17 atau mungkin lebih awal daripada itu, terdapat undang-undang mengawal perpindahan keluar rakyatnya demi mengelakkan kehilangan tenaga buruh. Meskipun orang-orang asing diterima baik oleh masyarakat tempatan dan dibenarkan berkahwin dengan wanita tempatan namun mereka tidak dibenarkan membawa keluarga baru khususnya anak-anak kerana terdapat peraturan yang melarang penduduk tempatan meninggalkan Myanmar.
- 61 Liaw Yock Fang, op.cit, fasal 25.1 menyebut syarat baligh ada tiga perkara iaitu genap umur 15 tahun, datang haid dan ihtilam,
- 62 Armando Cortesao (peny), op.cit, hal. 267
- 63 Liaw Yock Fang op.cit, lihat fasal berkenaan
- 64 Ibid, fasal 28.2 dan 28.3
- 65 Muhammad Yusoff Hashim, Kesultanan Melayu Melaka, hal. 295
- 66 Armando Cortesao (peny), op.cit. hal. 268
- 67 Ibid, hal. 258-259

- 68 Sulalatus Salatin, *op.cit.* hal. 193
- 69 Anthony Reid, "Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia", hal. 632
- 70 Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya", hal. 118
- 71 Anthony Reid, " Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia", hal. 633
- 72 Bendahara Tun Mutahir dikatakan mempunyai ramai hamba sehingga tidak dapat mengenali hamba-hambanya. Sulalatus Salatin, *op.cit.*, hal. 253. Lihat juga Albuquerque Ceaser Timur: Teks-Teks Pilihan oleh Alfonso de Albuquerque dan anaknya, kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1995, hal. 113. Utumtaraja, Ketua Orang Jawa yang tinggal di Upeh merupakan seorang yang sangat kaya. Beliau sekeluarga dikatakan mempunyai lima atau enam ribu orang (suruhan) hamba yang terisiri daripada orang Jawa.
- 73 Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang perhambaan sila rujuk Aminuddin bin Baki, "The Institution of Debt-Slavery in Perak", Peninjau Sejarah, Vol. I, July 1966. Hal. 1-11: Hanapi Dollah, "Institusi Perhambaan dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Analisa dari Segi Teori Nilai", Malaysia dari Segi Sejarah, Bil. II, 1982, hal. 6-13. Juga lihat J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hal. 159-170
- 74 R.O. Winstedt dan P.E. Josselin De Jong (peny), *op.cit.* fasal 2
- 75 Liaw Yock Fang, *op.cit.*, fasal 31.2